



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Warga emas diperdaya panggilan palsu rugi RM50,000
Publication/Portal: Kosmo
Date: 27 September 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 19

Warga emas diperdaya dengan panggilan palsu rugi RM50,000

KUANTAN - Seorang wanita warga emas kerugian RM50,000 selepas diperdaya dengan panggilan palsu yang mendakwa dia terlibat dalam aktiviti dadah dan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof (**gambar kecil**) berkata, mangsa, 64, yang merupakan seorang peniaga sebelum itu menerima panggilan daripada seorang suspek pada 16 September lalu yang mendakwanya mempunya-

nyai tunggakan pinjaman peribadi daripada sebuah bank.

“Mangsa yang terkejut dengan dakwaan itu kemudian disambungkan kepada suspek lain yang menyamar sebagai pegawai polis yang mendakwa akaun mangsa terlibat dengan aktiviti dadah dan wang haram.

“Suspek telah meminta maklumat akaun dan baki wang sebelum mangsa memaklumkan mempunyai baki



wang dalam simpanan ASB sebanyak RM500,000,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Katanya, suspek kemudiannya meminta mangsa membuka akaun baharu dengan memindahkan kesemua wang berkenaan dan memberi maklumat akaun berkenaan kepada suspek.

Beliau berkata, mangsa menyedari ditipu apabila pihak bank menghubunginya setelah mengesan berlaku pengeluaran wang sebanyak RM50,000 dalam tempoh singkat.

Susulan itu, satu laporan telah dibuat di Ibu Pejabat Daerah Kuantan kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, sebatan dan denda jika sabit kesalahan.